

18/05/1997

Gelojoh wartawan, lobi orang politik ...

ALKISAHNYA, teman dengar Dr Mahathir tegur wartawan yang tak sabar-sabar nak tahu pengganti Datuk Seri Mohd Zin Ghani baru-baru ini. Kalau tak silap, Perdana Menteri merungut apabila wartawan berkenaan menanyakan soalan itu sejurus beliau melawat jenazah.

Memanglah apa yang dilakukan wartawan itu tidak wajar. Mahu aju soalan, biarlah kena pada ketika dan tempatnya. Usah gopoh-gapah. Mesti ada cara.

Namun, bukan wartawan saja yang ghairah. Orang politik pun nampaknya tidak kurang. Teman dengar dah banyak yang pasang angan-angan nak jadi Ketua Menteri Melaka. Teman juga dengar ada yang pasang kaki untuk lobi.

Dr Mahathir nak lantik pemangku pun susah sebab bimbang yang memangku nanti rasa dirinya macam Ketua Menteri.

Untuk itu, eloklah kita bersabar. Tak payah lobi, tak payah buat spekulasi. Biarlah Datuk Seri Anwar pilih sebab Dr Mahathir dah serah pada beliau. Semoga Melaka akan mendapat Ketua Menteri yang berwibawa.

(END)